

# Persatuan nelayan Perlis bantah aktiviti tangkapan siput retak seribu

Um 14/3/2023 Ms: 29

**KANGAR:** Tiga persatuan di nelayan negeri ini membantah sebarang aktiviti tangkapan siput retak seribu di perairan Perlis bagi menjaga ekosistem dasar laut daripada terjejas.

Bantahan tersebut disuarakan oleh Persatuan Nelayan Perlis (Pelaris), Persatuan Nelayan Kawasan Kuala Perlis (PNKKP) dan Persatuan Nelayan Kawasan Perlis Selatan.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Razali Saad berkata, persatuan nelayan di negeri ini kekal dengan pendirian untuk membantah sebarang aktiviti tangkapan siput retak seribu itu memandangkan tindakan berkenaan mengundang pelbagai kesan sehingga menyebabkan kemerosotan hasil laut lain.

“Sejak tahun 1986, siput retak seribu sememangnya banyak di kawasan perairan ini sehingga menyebabkan aktiviti tangkapan itu tidak terkawal dan merosakkan ekosistem dasar laut.

“Jika cara tangkapan yang digunakan itu salah, ia hanya akan menjejaskan keadaan tanah dan menyebabkan hidupan laut lain tiada lagi di kawasan ini,” katanya selepas sesi perbincangan isu siput retak seribu yang berlangsung di Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Kuala Perlis di sini semalam.

Sebelum ini *Utusan Malaysia* melaporkan, hasil kegiatan menangkup siput retak seribu oleh nelayan negeri ini di per-

airan Kuala Perlis di sini mampu mencecah sehingga 40 sehingga 50 tan metrik dengan nilai mencecah RM75,000 sehari atau RM2.25 juta dalam tempoh sebulan.

Jika setahun, nilai hasil tangkapan berkenaan dikatakan boleh mencecah sehingga RM27 juta di sebalik aktiviti penangkapan siput tersebut diharamkan oleh Jabatan Perikanan.

Justeru, kira-kira 200 nelayan di negeri ini meminta agar Jabatan Perikanan ‘menghalalkan’ aktiviti tersebut atau sekurang-kurangnya mengeluarkan permit kepada mereka bagi melakukan kegiatan berkenaan disebalik hasil laut seperti ikan, udang, ketam dan sebagainya yang semakin merosot.

Mengulas lanjut, Razali berkata, pihak berkuasa seperti Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) dan Polis Marin juga diharap dapat memperhebatkan lagi operasi bagi mengambil tindakan ke atas nelayan luar yang melakukan aktiviti tangkapan siput retak seribu di perairan negeri ini. “Langkah ini bagi mengelakkan pihak terlibat melakukan pencerobohan sekali gus mengugatkan ekosistem dasar laut di kawasan perairan ini,” katanya. Tambahnya, aktiviti tangkapan siput retak seribu itu tidak wajar dibenarkan memandangkan nelayan negeri ini hanya mempunyai kawasan terhad bagi menangkap hasil laut.